

09/05/2004

`Anak istimewa anugerah tidak ternilai'

RANTAU: Penerima Anugerah Ibu Anak Istimewa Peringkat Kebangsaan, Abiaz Ibrahim, 51, tidak menyangka berkat kesabaran dan usaha mendidik anaknya yang cacat penglihatan, Nabil Mahathir, 17, diiktiraf sempena sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan, semalam.

Beliau menegaskan hanya menjalankan tanggungjawab sebagai ibu kepada Nabil tanpa membezakannya dengan anak yang lain, walaupun pada zahirnya, tugas itu dianggap sukar.

Katanya, mempunyai anak istimewa bukanlah alasan untuk seseorang ibu mengabaikan mereka kerana anak adalah anugerah yang tidak ternilai di dunia ini.

Pengalamannya membesarkan Nabil yang cacat penglihatan patut dicontohi oleh ibu yang lain kerana Abiaz sudah membuktikan anak istimewa juga boleh menjadi insan berjaya jika diberi didikan dan asuhan sempurna.

"Bagi saya, tiada istilah susah sepanjang tempoh membesarkan Nabil dan membentuknya menjadi anak yang patuh kepada ibu bapa serta taat pada agama.

"Kesabaran saya mendidiknya adalah kunci kepada segala kejayaan yang dicapai Nabil sekarang sehingga boleh berdikari menguruskan kehidupan sendiri.

"Kepada ibu-ibu di luar sana yang mempunyai anak istimewa, janganlah berasa terhina dengan kehadiran mereka, sebaliknya kita perlu berasa bertuah kerana terpilih untuk menjaga mereka.

"Setiap perbuatan baik kita akan dibalas oleh Allah dan saya yakin berkat kasih sayang yang dicurahkan kepada anak istimewa akan mendapat balasan setimpal," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Beliau dipilih menerima Anugerah Ibu Anak Istimewa pada tahun ini sebagai pengiktirafan terhadap usahanya yang tidak pernah jemu membantu anaknya, Nabil sehingga berjaya mendapat Diploma Tahfiz al-Quran dan Bahasa Arab dari Universiti Khartoum, Sudan dan Diploma Syariah dari Kolej Darul Ulum Pokok Sena di Kedah.

Penerima lain bagi kategori itu ialah Lee Yau Yook dari Durian Tunggal, Melaka yang mempunyai dua anak cacat anggota dan M Nagammal dari Banting, Selangor.

Penerima Anugerah Ibu Istimewa Peringkat Kebangsaan pula ialah Rohani Noh dari Kuantan Pahang yang cacat penglihatan, Patricia Richael anak Sentau dari Kota Samarahan, Sarawak dan K Maliah dari Kuala Lumpur.

Sambutan Hari Ibu peringkat kebangsaan yang diadakan di Dewan Orang Ramai Rantau dekat sini dirasmikan Menteri Besar, Datuk Mohamad Hasan.

Hadir sama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, isteri Menteri Besar, Datin Raja Salbiah Tunku Nujumuddin, Pengerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Tan Seri Zaleha Ismail, barisan ahli Exco dan wakil rakyat negeri ini.

Fokus sambutan Hari Ibu tahun ini yang bertemakan: "Ibu, Seindah Nur Kasihmu" memberi pengiktirafan kepada ibu-ibu istimewa (ibu kurang upaya) dan ibu yang mempunyai anak istimewa.

Program itu turut diserikan dengan kehadiran Ras Adiba Radzi yang mendeklamasikan sebuah puisi khas untuk ibu yang mempunyai anak istimewa dan ibu istimewa.

(END)